

ANVELIN SYRUP

Terbutaline sulphate (1.5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Anvelin Syrup
2. Bagaimana Anvelin Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Anvelin Syrup
4. Cara menggunakan Anvelin Syrup
5. Semasa menggunakan Anvelin Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Anvelin Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Anvelin Syrup

Ia membantu melegakan pengecutan otot pada dinding saluran pernafasan yang berlaku secara tiba-tiba dan menyebabkan kesukaran bernafas bagi pesakit lelah dan keradangan pada tiub bronkial di dalam paru-paru. Bronkial adalah saluran yang menyalurkan udara ke dalam paru-paru.

Bagaimana Anvelin Syrup berfungsi

Terbutaline adalah bronkodilator ia mengembangkan bronkial dan mengurangkan rintangan dalam saluran udara. Ini meningkatkan aliran udara ke dalam paru-paru.

Sebelum menggunakan Anvelin Syrup

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Anvelin Syrup jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Anvelin Syrup jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif.
- mempunyai tekanan darah tinggi, gangguan jantung atau saluran darah, denyutan jantung yang tidak normal.
- mempunyai paras gula darah yang tinggi.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

B-blockers dan *propranolol* boleh mengurangkan kesan terbutaline.

Cara menggunakan Anvelin Syrup

Berapa banyak harus digunakan

- *Dewasa*: 10ml-15ml, tiga kali sehari.
- *Kanak-kanak*:
0.075mg (0.25ml)/kg berat badan.
Tiga kali sehari.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk denyutan jantung yang terlalu pantas, pergerakan bergetar dan pengembangan saluran darah.

Semasa menggunakan Anvelin Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Anvelin Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Minum dan telan ubat secara perlahan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Anvelin Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka

mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Hati-hati bila memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Anvelin Syrup boleh mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

- Getaran ringan (biasanya pada tangan).
- Sakit kepala.
- Gemuruh.
- Pengembangan salur darah.
- Denyutan jantung yang pantas.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-85535550, atau lawan web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Anvelin Syrup

Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap jernih, tidak berwarna dengan perisa *cola*.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Terbutaline Sulphate

Bahan-bahan tidak aktif

Sorbitol Solution, Cola Flavor, Saccharin Sodium, Citric Acid Anhydrous, Sodium Benzoate, Purified Water.

ANVELIN SYRUP

Terbutaline sulphate (1.5mg/5ml)

Nombor MAL

MAL19910119A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20 Ogos 2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)200815/00266